



دلتا جيم. كي. عين. جي.

WARTA JKNG Brunei Darussalam

Bilangan 2

Rabiulawal1438/Disember 2016

Alu-Aluan Pengerusi *Haji Ali Bakar bin Haji Kasim*



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah, kurnia dan taufik serta hidayah-Nya juga, maka dapatlah Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) Negara Brunei Darussalam melaksanakan penerbitan kedua Warta JKNG. Tahniah dan syabas diucapkan kepada ahli jawatankuasa atas usaha yang gigih dan kerjasama yang erat bagi merealisasikan penerbitan *Warta JKNG* bagi tahun 2016.

JKNG bergerak aktif menangani isu-isu penamaan nama geografi, jalan raya, pusing keliling dan jejambat berdasarkan Garis Panduan Jawatankuasa Nama Geografi Negara Brunei Darussalam. Penamaan nama geografi diselaraskan dengan keadaan sebenar tempat berkenaan dan jawatankuasa menyediakan perancangan aktiviti kerja penyemakan nama-nama geografi secara berperingkat-peringkat. Aktiviti melibatkan pengumpulan nama-nama berpandukan peta yang tersedia ada, perjumpaan dengan penghulu, ketua kampung dan penduduk asal serta lawatan ke lapangan. Penetapan nama sesuatu tempat juga mengambil kira faktor sejarah dan makna.

JKNG mengambil perhatian cadangan-cadangan daripada pihak yang berkepentingan (penghulu, ketua kampung serta penduduk setempat) bagi penentuan nama yang sesuai sama ada nama geografi, nama jalan raya, nama pusing keliling, atau nama jejambat. Penggunaan nama juga disesuaikan dengan profil geografi, aktiviti dan sejarah setempat. Perhatian khusus juga diambil bagi memastikan nama-nama bersejarah tidak pupus dan terus diwarisi oleh lapisan generasi. JKNG mengadakan mesyuarat bagi menilai cadangan dan mencadangkan nama yang bersesuaian. Pengekalan nama dan penggunaan nama serta ejaan yang betul merupakan keputusan bersama ahli JKNG.

Akhirnya diharapkan penerbitan warta ini bermanfaat sebagai sumber ilmu pengetahuan kepada semua peringkat masyarakat di negara ini, khususnya mengenai peranan JKNG dalam pembangunan negara yang menjurus kepada keperluan Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN)*), iaitu Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara ahli tetap dalam pertubuhan tersebut.

Isi Kandungan

- 2 Gambar Ahli Jawatankuasa
- 3 Penglibatan JKNG Brunei Darussalam di Peringkat Serantau dan Antarabangsa
- 10 Nama-nama Geografi bagi Daerah Tutong yang Diluluskan
- 12 Penyelidikan Lapangan
- 18 Senarai nama jalan, jejambat dan pusing keliling Negara Brunei Darussalam
- 25 Ucapan Penghargaan
- 27 Senarai Ahli JKNG 2016

AHLI JAWATANKUASA KEBANGSAAN NAMA-NAMA GEOGRAFI (JKNG)



AHLI JKNG 2007–2015



AHLI JKNG 2016

Atas dari kiri: Pg. Rositi bin Pg.Hj. Tajuddin (JKR), Aw. Julaihi bin Hj. Ibrahim (JKR), Aw. Hj. Bahrin bin Hj. Ahad (Bandaran Brunei Muara), Aw. Azaman bin Hj. Sulaiman (JKR), Aw. Kifli bin Hj. Azahari (Bandaran Kuala Belait), Aw. Mohd Hishum bin Hj. Mohd. Bokhari (JPBD)

Bawah dari kiri: Dy. Habsliza binti Suhaili (JKR), Dy. Hjh. Norati binti Bakar (DBP), Pg. Hjh. Mahani binti Pg. Hj. Ahmad (Pusat Sejarah), Dy. Hjh. Nortijah binti Hj. Mohd. Hassan ((DBP), Aw. Hj. Ali Bakar bin Hj. Kasim (Jabatan Ukur), Dr. Hj. Mohammad Hadi bin Muhammad Melayong (Majlis Tertinggi MIB), Dr. Hjh. Mas Suriaia Wati binti Hj. Ab. Hamid (Jabatan Ukur), Dy. Hjh. Siti Aminah binti Hj. Jumat (Jabatan Kurikulum), Dy. Hjh. Rusinah binti Hj.Tengah (Jabatan Ukur).



**Perhimpunan Pakar Nama-Nama Geografi Ke-27 dan
Konferensi Penstandardan Nama-nama Geografi
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-10
New York, 30 Julai – 10 Ogos 2012**



Seramai 289 orang peserta dari 80 buah negara ahli dan 4 buah negara pemerhati hadir di perhimpunan tersebut. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Pemangku Juruukur Agung (Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Pengurus JKNG), Penolong Juruukur Agung (Dr. Hajah Mas Suriaina Wati binti Haji Ab. Hamid, Setiausaha Bersama JKNG), dan Juruukur (Dayang Hajah Rusinah binti Haji Awang Tengah, Urus Setia JKNG).

Perhimpunan pakar nama-nama geografi ini bertujuan untuk memantapkan kepentingan piawaian dan manfaat nama-nama geografi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, perhimpunan ini juga bertujuan untuk mengumpulkan hasil kerja daripada setiap negara ahli, serta sama-sama membincangkan dan mencadangkan polisi, prinsip, dan tatacara yang bersesuaian.





Seminar dan Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rantau Asia Tenggara (UNGEGN, ASE), 2013



Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim , para peserta, dan perwakilan luar negara

Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rantau Asia Tenggara Kali Pertama (*The 1st Divisional Meeting of United Nation Group of Experts on Geographical Names, Asia South-East Division*) diadakan di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong, Negara Brunei Darussalam pada 13–14 Mei 2013.

Mesyuarat tersebut bertujuan untuk berkongsi dan bertukar-tukar maklumat mengenai perkembangan dan amalan terbaik yang telah dicapai oleh kalangan negara ahli. Selain itu, mesyuarat juga membincangkan perkara yang berbangkit dalam *19th Divisional Meeting United Nations Group of Experts on Geographical Names, Asia South-East* yang diadakan di Filipina pada 28 Februari 2012; perkara berbangkit dalam *10th United Nations Conference on The Standardization of Geographical Names*; dan perkara berbangkit dalam *27th Session United Nations Group of Experts on Geographical Names* yang telah diadakan di New York, Amerika Syarikat pada tahun 2012.

Mesyuarat dihadiri oleh Pemangku Juruukur Agung (Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Pengurus JKNG) dan Penolong Juruukur Agung (Dr. Hajah Mas Suriaia Wati binti Haji Ab. Hamid, Setiausaha bersama JKNG), Pemangku Timbalan Juruukur Agung, Awang Arefin bin Haji Jaya, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Dr. Hajah Dulima binti Haji Jali, dan ahli JKNG yang lain.





Seminar dan Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-Nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rantau Asia Tenggara (UNGEGN, ASE) Ke-1, 2013



Seminar dan Mesyuarat UNGEGN ASE Kali Pertama (*1st Meeting of United Nations Group of Experts on Geographical Names Asia, South-East (UNGEGN ASE)*) dengan tema “Nama-nama Tempat Memelihara Warisan Budaya” ialah kelolaan bersama Jabatan Ukur dan Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi bersempena dengan sambutan Jubli Intan Jabatan Ukur. Seminar diadakan di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong pada 13 Mei 2013.



Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Pemangku Juruukur Agung selaku penggerusi seminar.

Pembentang kertas kerja seminar tersebut terdiri daripada ahli Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi dan pembentang-pembentang undangan dari Malaysia dan Indonesia. Ucaptama Seminar telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Md Yunos, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.



Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memiawakan dasar penamaan nama-nama geografi, penstandardan ejaan, penyesuaian nama dan lokasi dengan memberi perhatian kepada pemeliharaan warisan budaya.

Para peserta seminar terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, dan ahli Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi, Negara Brunei Darussalam.



Dy. Hjh. Norati binti Bakar
Dewan Bahasa Dan Pustaka



Pg. Hjh. Mahani binti Pg. Hj. Ahmad
Pusat Sejarah



Dr. Hjh. Dulima binti Hj. Jali
Universiti Brunei Darussalam



Seminar dan Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rantau Asia Tenggara (UNEGN ASE) Kali Ke-2, 2014

Seminar dan Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rantau Asia Tenggara Kali Ke-2 (*2nd Meeting United Nation Group of Experts On Geographical Names Asia, South-East*) diadakan di The Grand Royal Panghegar Hotel and Convention Hall, Bandung, Indonesia pada 1 hingga 3 April 2014.

Antara ahli JKNG Negara Brunei Darussalam yang menghadiri mesyuarat dan seminar tersebut ialah Pemangku Juruukur Agung (Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Pengurusi JKNG), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong (Majlis Tertinggi, MIB), Awang Haji Muhd. Hasbi bin Haji Jamudin (Juruukur, Urus Setia JKNG), Dayang Hajah Norati binti Bakar (Ahli JKNG, Dewan Bahasa dan Pustaka), Pg. Hajah Mahani binti Pg. Haji Ahmad (Ahli JKNG, Pusat Sejarah), Awang Haji Kifli bin Haji Azahari (Ahli JKNG wakil Pengurusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria) dan Awang Haji Mohd. Azmi bin Haji Suhaili (Ahli JKNG wakil Jabatan Daerah Temburong).





Seminar dan Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rantau AsiaTenggara (UNGEGN ASE) Ke-3, 2015



Seminar dan Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi bagi Rantau Asia Tenggara (UNGEGN ASE) Ke-3 (*The 3rd Divisional Meeting of United Nation Group of Experts on Geographical Names Asia, South-East Division*) diadakan di Melia Hanoi Hotel, Ha Noi, Vietnam pada 13 hingga 15 Mei 2015.

Delegasi Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Pemangku Juruukur Agung, Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim (Pengerusi JKNG), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong (Majlis Tertinggi, MIB), Awang Alias bin Haji Idris (Juruukur, Urus Setia JKNG), dan Awang Mohd. Azurin bin Othman (wakil Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan).

Seminar yang bertemakan “Nama Geografi dalam Integrasi Antarabangsa” (*Geographical Name in International Integration*) dihadiri oleh tujuh negara anggota, iaitu Vietnam (selaku negara tuan rumah), Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Laos, Malaysia, dan Singapura. Sebanyak 16 kertas kerja dibentangkan di sepanjang seminar tersebut. Para pemakalah terdiri daripada 14 orang delegasi dari negara tuan rumah, seorang delegasi dari Brunei Darussalam (Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong (Majlis Tertinggi, MIB), dan seorang delegasi undangan dari Itali.

Mesyuarat ASED Kali Ketiga dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengarah Umum Jabatan Ukur dan Pemetaan Vietnam, diikuti dengan ucapan pembukaan oleh Pengerusi Mesyuarat ASED, Dr. Peter N. Tiangco. Seterusnya ucapan ketua perwakilan dari tujuh negara ahli, iaitu Filipina, Indonesia, Brunei Darussalam, Vietnam, Laos, Malaysia, dan Singapura.

Sebanyak lima laporan negara (*country report*) dibentangkan dalam mesyuarat ini. Laporan Negara Brunei Darussalam dibentangkan oleh Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Pemangku Juruukur Agung Negara Brunei Darussalam.





Mesyuarat Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGEGN) Ke-29 Bangkok, Thailand, 25 – 29 April 2016



Mesyuarat Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-29 (*UNGEGN*) telah diadakan pada 25–29 April 2016, di Bangkok, Thailand. Mesyuarat ini mengumpulkan semua pakar dari negara-negara ahli bagi membincangkan isu-isu dan perkembangan nama geografi. Semua negara dikumpulkan mengikut zon (*division*) yang berjumlah 24 zon antaranya; Africa East Division, Africa Central Division, Arab Division, Asia East Division, Asia South East Division, Celtic Division, French Speaking Division, US/Canada Division. Negara Brunei Darussalam termasuk dalam Asia South East (ASE) Division bersama-sama dengan Bhutan, Cambodia, Indonesia, Lao People's Democratic Republic, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand, dan Vietnam. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Pemangku Juruukur Agung (Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Pengerusi JKNG) dan Penolong Juruukur Agung (Awang Arefin bin Haji Jaya).

Mesyuarat dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu Penyampaian Laporan, Taklimat Khas, *Division Meeting* dan Pameran. Antara perkara yang dimuatkan dalam atur cara ialah laporan pengurus dan urus setia, laporan daripada setiap zon, dan laporan projek-projek khas yang menjurus kapada nama geografi.



Pengerusi JKNG Negara Brunei Darussalam bersama perwakilan luar negara



Seminar dan Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rantau Asia Tenggara (UNGEGN ASE) Ke-4, 2016



Mesyuarat Kumpulan Pakar Nama-nama Geografi bagi Rantau Asia Tenggara Kali Ke-4, 2016 - Parkroyal Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia pada 17 Oktober 2016

Mesyuarat dihadiri oleh enam buah negara ahli, iaitu negara Malaysia (tuan rumah), Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Filipina, Singapura, dan Vietnam. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pemangku Pengerusi UNGEGN ASED, Mr. Ruel DM. Belen dari Filipina.

Kesemua wakil negara ahli telah menyampaikan laporan negara masing-masing dan terdapat lima resolusi telah dicapai dan dipersetujui di mesyuarat tersebut:


1. Program latihan akan diadakan di Filipina, iaitu berkesinambungan dengan Mesyuarat UNGEGN ASED Ke-5;
2. Indonesia akan memberikan senarai gazetir dan nama-nama generik kepada setiap negara ahli untuk dikemaskini;
3. Negara-negara ahli dikehendaki aktif menyumbang maklumat bagi keperluan laman sesawang ASED;
4. Malaysia akan memuat naik garis panduan penamaan pulau dan entiti-entiti geografi untuk rujukan;
5. Minit mesyuarat akan dikelilingkan kepada negara-negara ahli yang tidak dapat hadir dalam Mesyuarat UNGEGN ASED Ke-4

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Pemangku Juruukur Agung selaku pengurus JKNG, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong daripada Sekretariat Majlis Tertinggi MIB, Pg. Hajah Mahani binti Pg. Haji Ahmad mewakili Pusat Sejarah, Awang. Alias bin Haji Idris, Juruukur dan Awang Haji Mohd Rafee bin Haji Shahif dari UBD.



Nama-nama Geografi Daerah Tutong
Sebanyak 14 Lembaran Peta Diluluskan pada 2010 - 2016


DAERAH TUTONG



Peta yang telah dimesyuaratkan dan diluluskan:

1. Lembaran 55/53SW - Pekan Tutong
2. Lembaran 55/53SE - Keriam
3. Lembaran 55/63SW - Sinaut
4. Lembaran 55/43SE - Penabai
5. Lembaran 55/42NE - Kuala Tutong
6. Lembaran 55/42SE - Bukit Beruang
7. Lembaran 55/53NW - Penanjong
8. Lembaran 55/53NE - Binturan
9. Lembaran 55/52NW - Tanjung Maya
10. Lembaran 55/42NW - Danau
11. Lembaran 55/32SE - Lilas
12. Lembaran 55/52SW - Bukit Udal
13. Lembaran 55/51NW - Layong
14. Lembaran 55/41NE - Bt. Nong Tangang

Sebahagian daripada 153 Nama Geografi Daerah Tutong Diluluskan,2010 - 2015



PENYELIDIKAN LAPANGAN TOPONOMI

Penyelidikan lapangan toponomi ke lokasi yang dikenal pasti penamaannya merlukan maklumat lanjut (kesahihan sebutan, kemantapan penamaan, dan kewujudan fizikal geografi).

Penyelidikan lapangan pada April 2013

■ Mukim Penanjong



Kampung Penanjong



Pantai Seri Kenangan



temubual dengan Ketua Kampung



Perbincangan toponimi di lokasi.



Pantai Penanjong

■ Padang Tembak Binturan



Sungai Binturan Besar

■ Mukim Tanjung Maya



Bukit Sibut



Kerutop



Sungai Pedangang



Sungai Rendah


Penyelidikan Lapangan Toponimi ke Kampung Lilas, Mukim Telisai – Mei 2014

Urus Setia JKNG telah mengadakan beberapa lapangan toponimi untuk mendapatkan kesahihan maklumat mengenai kawasan-kawasan yang berikut:



Buah Panago

Asal nama Sungai Panago ialah bersumberkan dialek Dusun iaitu merujuk kepada nama sejenis tumbuhan pokok yang dahulunya banyak tumbuh di kawasan tersebut.



Pokok Buah Panago



Sungai Panago



Paya Paku

Perkataan ‘paku’ dalam toponimi “Paya Paku, Bukit Paku, dan Sungai Paku” berasal daripada nama sejenis tumbuhan paku (pakis) yang tumbuh subur di kawasan ini. Walaupun kawasan ini dalam pembangunan (pembinaan lebuh raya), namun sebahagian besar kawasan fizikalnya ini masih berpaya manakala sebahagian lagi kekal berbukit, sementara itu kerja-kerja pembesaran Sungai Paku sedang berlangsung.



Bukit Paku



Sungai Paku

Penyelidikan Lapangan Toponimi Kampung Lailas, Mukim Telisai – 8 Mei 2014



Sungai Darahan



Paya Darahan

Perkataan Darahan dalam nama-nama geografi “Sungai Darahan dan Paya Darahan” berasal daripada dialek Dusun (dipanjangkan bunyi ‘an’ dengan nada lemah [dara:n]), iaitu merujuk kepada sejenis tumbuhan pokok yang buahnya berbentuk seperti buah binjai. Tumbuhan ini tidak lagi didapati di kawasan berkenaan, tetapi Sungai Daran dan paya masih wujud.

Penyelidikan Lapangan Toponimi Kampung Ukong dan Bukit Udal - 13 Mei 2015



Ahli dan Urus Setia JKNG berada di atas Bukit Buayan Banji

Penyelidikan Lapangan Topinimi Kampung Ukong dan Kampung Bukit Udal –13 Mei 2015



Pak Balai

Mengikut ristaan penduduk setempat bahawa pada masa lampau “Pangkalan Danau” merupakan tempat perniagaan tembaga. Perkataan “danau” bersumberkan dialek Dusun yang bermaksud kawasan air bertakung. Rupa bentuknya seperti kolam yang kedalamannya mencapai 20 kaki dan lebarnya 15 kaki.

Pak Balai ialah nama sebuah tempat. Perkataan “pak” bersumberkan dialek Dusun yang bermaksud tempat tinggi atau di atas sekali, sementara perkataan “balai atau tambalai” bererti benteng yang diperbuat daripada kayu untuk mengelak daripada terkena banjir besar.



Pangkalan Danau



Luagan Ukong

Menurut informan bahawa Luagan Ukong merupakan kawasan Sungai Tutong yang terpisah akibat hakisan. Perkataan “luagan” dalam dialek Dusun disebut sebagai ‘logon’.



Paya Nak Tuno

Menurut ristaan beberapa orang penduduk di kawasan ini bahawa penamaan “Nak Tuno” bersumberkan dialek Dusun. Nak Tuno bermakna bukit kecil yang dikelilingi oleh paya, belukar, dan tanah rendah.

Penyelidikan Lapangan Toponimi Ke Kawasan Tujuh Telaga Mandian Puteri – 19 November 2013

Menurut cerita penduduk kampung, “**Tujuh Telaga Mandian Puteri**” letaknya bukan di kawasan sekarang, tetapi jauh ke dalam, iaitu 150 meter dari telaga yang ada sekarang. Pada suatu ketika pernah berlaku kebakaran, akan tetapi kawasan ini tidak hangus dalam kebakaran tersebut. Pada masa ini, tempat ini digunakan sebagai kawasan beriadah.

Legenda Tujuh Telaga Mandian Puteri

Mengikut tradisi lisan daripada orang tua-tua di Kampung Tanjung Maya, kononnya pada zaman dahulu terdapat sebuah perkampungan (yang pada masa sekarang dikenali sebagai Kuala Sungai Liulon). Di kuala sungai perkampungan tersebut merupakan tempat memproses sagu daripada pokok rumbia yang terdapat di situ. Walau bagaimanapun, sagu yang ditempatkan dalam takungan yang diperbuat daripada batang kayu itu sering dicuri orang. Berhampiran kawasan tersebut pula terdapat telaga yang dipercayai merupakan tempat permandian tuan-tuan puteri dari Gunung Mulu. Tuan-tuan puteri ini mempunyai sayap yang boleh menerangkan mereka berulang alik dari Gunung Mulu ke kawasan tersebut.

Pada suatu hari, orang kampung pun mengekori dua orang perempuan cantik (tuan puteri Gunung Mulu) yang hendak beredar dari tempat tersebut setelah mencuri sagu milik orang kampung tersebut. Salah seorang puteri itu berjaya ditangkap dan seorang lagi berjaya melepaskan diri. Selang beberapa bulan tuan puteri yang ditangkap itupun berkahwin dengan seorang pemuda kampung tersebut. Hasil perkahwinan mereka lahirlah seorang puteri yang secantik ibunya. Namun jodoh perkahwinan mereka berakhir apabila tuan puteri mengetahui bahawa suaminya itulah yang menyembunyikan sayapnya. Tuan puteri berkecil hati dan terbang kembali ke Gunung Mulu dan meninggalkan suami dan anaknya.

Diolah semula daripada teks asal yang dipetik daripada buku Catatan-catatan PERTAMA dan Mukim Tanjung Maya 1960 - 1985



**SENARAI NAMA-NAMA JALAN, JEJAMBAT DAN PUSING KELILING
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG DILULUSKAN**

NAMA-NAMA JALAN

BIL	KAWASAN	MUKIM	JUMLAH	NAMA JALAN	TARIKH DILULUSKAN
1	Atas garisan/luar kawasan Bandaran BSB, Daerah Brunei Muara	Mukim Gadong A/Mukim Berakas A/Mukim Berakas B/Mukim Serasa/Mukim Mentiri Daerah Brunei Muara	11	1. Lebuh Raya Tungku 2. Lebuh Raya Rimba 3. Jalan Rakyat Jati Rimba 4. Jalan Estet Gadong 5. Jalan Utama Terunjing 6. Jalan Pasir Berakas 7. Jalan Utama Berakas 8. Jalan Utama Tanah Jambu 9. Jalan Masjid Salambigar 10. Jalan Utama Salambigar 11. Jalan Utama Mentiri	26/04/2011
2	Dalam Kawasan Bandaran BSB	Mukim Berakas A/Mukim Kilanas/ Mukim Gadong B, Daerah Brunei Muara	14	1. Jalan Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah 2. Jalan Permaisura 3. Jalan Jame'Asr 4. Jalan Industri Beribi 5. Jalan Stadium 6. Jalan Dewan Majlis 7. Jalan Pusat Persidangan 8. Jalan Pusat Dakwah 9. Jalan Landasan Lama 10. Jalan Pertahanan 11. Jalan Muhibbah 12. Jalan Pembangunan 13. Jalan E-Kerajaan 14. Jalan Dato Haji Ahmad	15/06/2011
3	Kawasan Perumahan Kg. Panaga	Mukim Seria, Daerah Belait	7	1. Jalan Likap 2. Jalan Kanawai 3. Jalan Parak 4. Jalan Taripas 5. Jalan Puragam 6. Jalan Karuak 7. Jalan Kalajau	16/04/2011
4	Kawasan Perumahan Kg. Lumut, Kawasan Lumut II	Mukim Liang, Daerah Belait	13	1. Jalan Malawaring 2. Jalan Balingkawang 3. Jalan Sempriding 4. Jalan Sumbui-Sumbui 5. Jalan Nibong 6. Jalan Lamidng 7. Jalan Piai 8. Jalan Bilaran 9. Jalan Pakis 10. Jalan Rotan Gatah 11. Jalan Kelumbi 12. Jalan Paku-Paku 13. Jalan Bagu	18/04/2012
5	Perumahan Kg. Meragang	Mukim Serasa, Daerah Brunei Muara	14	1. Jalan Tanjung Sunting 2. Jalan Wasai Limuru 3. Jalan Wasai Limuru Utara 4. Jalan Wasai Limuru Barat 5. Jalan Binglu 6. Jalan Binglu Utara 7. Jalan Binglu Tengah 8. Jalan Binglu Barat 9. Jalan Binglu Selatan 10. Jalan Rumbia 11. Jalan Kamangsi 12. Jalan Kamangsi Timur 13. Jalan Kamangsi Selatan 14. Jalan Kamangsi Barat	21/05/2012
6	Kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kg. Tanah Jambu	Mukim Mentiri, Daerah Brunei Muara	5	1. Jalan Kulimpapa 2. Jalan Sadamam 3. Jalan Sadamam Barat 4. Jalan Keramunting 5. Jalan Keramunting Barat	21/05/2012

NAMA-NAMA JALAN

BIL	KAWASAN	MUKIM	JUMLAH	NAMA JALAN	TARIKH DILULUSKAN
7	Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Lugu	Mukim Sengkurong, Daerah Brunei Muara	5	1. Jalan Kibah 2. Jalan Takidung 3. Jalan Sungkat 4. Jalan Lasuk 5. Jalan Basung	22/04/2013
8	Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Mumong	Mukim Kuala Belait, Daerah Belait	5	1. Jalan Laila Bentera 2. Jalan Jaya Indera 3. Jalan Derma Wangsa 4. Jalan Seri Maharaja 5. Lebuh Raya Seria-Belait	27/04/2013
9	Kawasan Bandaran BSB	Mukim Kianggeh, Mukim Gadong A, Mukim Berakas B, Daerah Brunei Muara	6	1. Jalan Masjid Omar Ali Saifuddien 2. Jalan Duta 3. Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa 4. Jalan Komersial Jaya Setia 5. Jalan Padang Kebajikan 6. Jalan Pasar Gadong	15/05/2013
10	Kawasan Bandaran BSB	Mukim Kianggeh Daerah Brunei Muara	1	Jalan Perdana Menteri	15/05/2013
11	Perumahan Kampung Panchor	Mukim Mentiri, Daerah Brunei Muara	7	1. Jalan Bukit Bintagur 2. Jalan Bukit Pandayan 3. Jalan Tanjung Kudus 4. Jalan Tanjung Selasih 5. Jalan Bukit Sinadur 6. Jalan Paya Panchor 7. Jalan Sungai Carana	11/07/2013
12	Spg 75, Kampung Terunjing	Mukim Berakas A, Daerah Brunei Muara	1	Jalan Rimba –Terunjing	11/07/2013
13	Perumahan Rataie	Mukim Bokok, Daerah Temburong	1	Jalan Madang Sisik	15/08/2013
14	Universiti Brunei Darussalam	Mukim Gadong A, Daerah Brunei Muara	3	1. Jalan Universiti 2. Jalan Canselor 3. Jalan Mahkota	28/10/2013
15	Spg 1626, Jalan Tutong.	Mukim Sengkurong, Daerah Brunei Muara	1	Jalan Seri Pahlawan	28/10/2013
16	Kawasan Perumahan Bukit Beruang	Mukim Telisai, Daerah Tutong	8	1. Jalan Bukit Bilid 2. Jalan Paya Belambang 3. Jalan Beleleng Uai 4. Jalan Paya Namurai 5. Jalan Kayu Sumah 6. Jalan Bukit Dilou 7. Jalan Bukit Tibadak 8. Jalan Bukit Bincaloi	28/10/2013
17	Kawasan Perumahan Mata-Mata	Mukim Gadong B, Daerah Brunei Muara	4	1. Jalan Nenas Sanggol 2. Jalan Nenas Madu 3. Jalan Nenas Pisang 4. Jalan Nenas Paun	20/05/2014
18	Kawasan Kampung Tungku	Mukim Gadong A, Daerah Brunei Muara	3	1. Jalan Bukit Sailaila 2. Jalan Paya Sailaila 3. Jalan Dang Kumala	24/05/2014
19	Kawasan Perumahan Lorong Tengah Seria, Daerah Belait.	Mukim Seria, Daerah Belait	8	1. Jalan Lela Utama 2. Jalan Setia Laila 3. Jalan Laila Setia 4. Jalan Indera Negara 5. Jalan Indera Perkasa 6. Jalan Dewa Setia DiRaja 7. Jalan Seri Ratna 8. Jalan Kurnia Di Raja	25/06/2015

NAMA-NAMA JALAN

BIL	KAWASAN	MUKIM	JUMLAH	NAMA JALAN	TARIKH DILULUSKAN
20	Kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, BSB	Mukim Anggerek Desa, Daerah Brunei Muara	5	1. Jalan Stadium Selatan 2. Jalan Stadium Negara Hassanal Bolkiah 3. Jalan Stadium Belapan 4. Jalan Stadium Tertutup 5. Jalan Stadium Utara	03/11/2015
21	Kawasan Sengkurong	Mukim Berakas A/ Mukim Sengkurong/ Mukim Gadong A, Daerah Brunei Muara	4	1. Lebuh Raya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah 2. Lebuh Raya Tungku - Jerudong 3. Jalan Datu Mahawangsa 4. Jalan Maharaja Dinda	25/06/2015
22	Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Lugu	Mukim Sengkurong, Daerah Brunei Muara	6	1. Jalan Lasuk 2. Jalan Ambin 3. Jalan Kandul 4. Jalan Belatak Kurimata 5. Jalan Bayung Piawan 6. Jalan Lakar Kaskul	29/06/2016
23	Kawasan Telisai – Lumut Daerah Belait	Mukim Telisai	1	1. Lebuh Raya Telisai-Lumut	10/09/2016

NAMA-NAMA JEJAMBAT

BIL	KAWASAN	MUKIM	JUMLAH	NAMA JEJAMBAT/JAMBATAN	TARIKH DILULUSKAN
1	Kawasan Projek Perintis menaik taraf Mukim Kampung Ayer : Penamaan Nama Jambatan	Mukim Peramu, Mukim Kampung Ayer Daerah Brunei Muara	4	1. Jambatan Patih Barbai 2. Jambatan Laila Menchanai 3. Jambatan Padian 4. Jambatan Padaun	21/05/2012
2	Jejambat Luar Bandaran BSB	Mukim Gadong A/ Mukim Pekan Tutong Daerah Brunei Muara dan Daerah Tutong	4	1. Jejambat Rimba 2. Jejambat Universiti 3. Jejambat Pantai Tungku 4. Jejambat Penanjong	14/04/2014
3	Jejambat dan Terowong dalam Bandar Seri Begawan	Mukim Gadong A/ Mukim Gadong B/ Mukim Berakas A/ Mukim Berakas B Daerah Brunei Muara	11	1. Jejambat Hassanal Bolkiah 2. Jejambat Al-Muhtadee Billah 3. Terowong Jame'Asr 4. Jejambat Gadong 5. Jejambat Pangkalan Gadong 6. Jejambat Kompleks Jabatan Kerajaan 7. Jejambat Lapangan Terbang 8. Jejambat Berakas 9. Jejambat Estet Gadong 10. Jejambat Tungku 11. Jejambat Manggis	03/11/2015

NAMA-NAMA PUSING KELILING

BIL	KAWASAN	MUKIM	JUMLAH	NAMA PUSING KELILING	TARIKH DILULUSKAN
1	Kawasan Kampung Tungku	Mukim Gadong A Daerah Brunei Muara	1	1. Pusing Keliling Dang Kumala	24/05/2014
2	Pusing Keliling Luar Bandaran BSB	Mukim Sengkurong/ Mukim Gadong A/ Mukim Gadong B/ Mukim Berakas B/ Mukim Mentiri/ Mukim Serasa/ Mukim Pangkalan Batu/Mukim Lumapas Daerah Brunei Muara	16	1. Pusing Keliling Taman Jerudong 2. Pusing Keliling Agrotek 3. Pusing Keliling Tungku 4. Pusing Keliling Mata-Mata 5. Pusing Keliling Universiti 6. Pusing Keliling Canselor 7. Pusing Keliling Rimba 8. Pusing Keliling Lambak Kanan 9. Pusing Keliling Masjid Lambak Kanan 10. Pusing Keliling Masjid Salambigar 11. Pusing Keliling Mentiri 12. Pusing Keliling Tanah Jambu 13. Pusing Keliling Muara 14. Pusing Keliling Pangkalan Batu 15. Pusing Keliling Limau Manis 16. Pusing Keliling Kunci	28/12/2013
3	Pusing Keliling Daerah Belait	Mukim Kuala Belait/ Mukim Seria Daerah Belait	6	1. Pusing Keliling Sumbangsih Kiri 2. Pusing Keliling Pandan 3. Pusing Keliling Masjid Pandan 4. Pusing Keliling Menggalela 5. Pusing Keliling Singa Menteri 6. Pusing Keliling Lumut	10/03/2014
4	Pusing Keliling di kawasan Bandar Seri Begawan	Mukim Gadong A/ Mukim Gadong B/ Mukim Berakas A/ Mukim Berakas B / Mukim Mentiri Daerah Brunei Muara	9	1. Pusing Keliling Jame' Asr 2. Pusing Keliling Pengiran Babu Raja 3. Pusing Keliling Industri Beribi 4. Pusing Keliling Perdana 5. Pusing Keliling Stadium 6. Pusing Keliling Berakas 7. Pusing Keliling Lapangan Terbang 8. Pusing Keliling Sungai Akar 9. Pusing Keliling Manggis	03/11/2015

Penamaan Jalan Raya



Penamaan Pusing Keliling



Penamaan Jejambat



Jejambat Kompleks jabatan Kerajaan



Jejambat Pangkalan Gadong



Jejambat Panchor-Mengkubau

**Ucapan
Penghargaan**

**Setinggi-tinggi
penghargaan dan terima kasih
kepada ahli, setiausaha
dan urus setia JKNG
yang bersara dan berpindah
ke jabatan lain
atas khidmat dan sumbangan
buah fikiran menjayakan tugas
jawatankuasa ini**

Penghargaan



Yang Mulia
Dayang Hajah Aminah
binti Haji Momin
Timbalan Pengerusi
2009–Okttober 2015



Yang Mulia
Dr. Hajah Dulima binti Haji Jali
Ahli
2009–Okttober 2014



Yang Mulia
Dr. Hajah Mas Suriaia Wati
binti Haji Ab.Hamid
Setiausaha Bersama
2012–Okttober 2016



Yang Mulia
Awang Haji Hatnan bin Haji Bujang
Setiausaha Bersama
2010–Okttober 2014



Yang Mulia
Awang Haji Mohd. Ranik bin Setia
Urus Setia
2006–Okttober 2014



Yang Mulia
Awang Haji Saidin bin Tumin
Urus Setia
2006–Okttober 2012



Yang Mulia
Dayang Hajah Rosimah binti
Haji Ibrahim
Urus Setia
2009–Okttober 2015



Yang Mulia
Awang Matusin bin
Haji Abu Bakar
Urus Setia
2006–Okttober 2013

JAWATANKUASA KEBANGSAAN NAMA GEOGRAFI 2016

Pengerusi

Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim
Pmk. Juruukur Agung, Jabatan Ukur

Timbalan Pengerusi

Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd Hassan
Pmk. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Setiausaha Bersama

Pg. Hajah Hasnaliati binti PSJ Pg. Haji Abd Momin
Jabatan Ukur

Dayang Hajah Norati binti Bakar
Dewan Bahasa dan Pustaka

Urus Setia Bersama

Jabatan Ukur
Dewan Bahasa dan Pustaka

Ahli

Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong
Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

Dr. Hajah Hairuni binti Haji Mohamed Ali Maricar
Universiti Brunei Darussalam

Pg. Hajah Mahani binti Pg. Haji Ahmad
Pusat Sejarah

Pengarah Jabatan Penerangan/Wakil
 Ketua Pengarah Kerja Raya/Wakil
 Pegawai Daerah Brunei dan Muara/Wakil
 Pegawai Daerah Belait/Wakil
 Pegawai Daerah Tutong/Wakil
 Pegawai Daerah Temburong/Wakil
 Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa/Wakil
 Pesuruhjaya Tanah/Wakil
 Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan/Wakil
 Pengerusi Lembaga Bandaran Belait dan Seria/Wakil
 Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong/Wakil
 Pengarah Jabatan Muzium-muzium/Wakil
 Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum/Wakil
 Pengarah Jalan Raya/Wakil

TIM EDITOR:



Aw. Alias bin Haji Idris



Dy. Ainun binti Mohd Salleh



Dy. Hajah Zuraidah
binti Haji Ismail



Dy Hajah Norati binti Bakar



Dy. Anissa binti Haji Moksin




Aw. Raieham bin Md Salleh

Penyelaras Penerbitan: Urus Setia Jabatan Ukur,
Reka Bentuk Kulit Luar: Jabatan Ukur,
Reka Bentuk Dalaman: Jabatan Ukur

Website: www.mod.gov.bn/jkng

Email: info@survey.gov.bn

14th SOUTH EAST ASIA SURVEY CONGRESS BRUNEI DARUSSALAM



ORGANISED BY
SURVEY DEPARTMENT
AND
BRUNEI INSTITUTION OF GEOMATICS

Rizqun International Hotel
Bandar Seri Begawan
Brunei Darussalam
15—17 August 2017